

WMO-UNESCO reference

PERKEMBANGAN MAJALAH HUMOR MELAYU SELEPAS

PERKEMBANGAN MAJALAH HUMOR MELAYU SELEPAS

GILA-GILA

Hamedî Mohd. Adnan — Pendahuluan

Selain majalah-majalah wanita, humor merupakan jenis majalah Melayu yang banyak diterbitkan. Sejak penerbitan *Gila-Gila* pada 1 April 1978, sebanyak 50 buah majalah humor dalam bahasa Melayu, termasuk majalah humor saduran daripada bahasa asing telah diterbitkan di negara ini. Dalam tempoh tujuh tahun sejak 1990, sebanyak 27 buah majalah humor diterbitkan. Dalam satu-satu masa sejak tahun 1990, sebanyak lapan buah majalah humor berada di pasaran dengan purata setiap tahun tiga buah majalah baru diterbitkan. Jumlah keseluruhan majalah humor ini hanya dapat diatasi oleh majalah-majalah wanita dan kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa penerbitan majalah-majalah humor dalam bahasa Melayu berkembang dengan agak memberangsangkan.

Perkembangan penerbitan majalah humor dalam bahasa Melayu ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kejayaan penerbitan *Gila-Gila*. Walaupun majalah itu bukanlah majalah humor yang pertama diterbitkan dalam bahasa Melayu, namun pengaruhnya cukup kuat dan dapat dikatakan bahawa penerbitan majalah-majalah humor yang lain adalah berasaskan *Gila-Gila* (Hamed, 1997a).

Majalah-majalah humor banyak dicirikan dengan unsur kartun dan tulisan yang bersifat lucu atau kelakar. Pada umumnya, kartun-kartun yang terdapat di dalam majalah-majalah humor Melayu terbahagi kepada lima jenis, iaitu kartun tanpa dialog, kartun komik, kartun bebas, kartun karikatur, dan kartun berteks (Sabri Said, 1996 : 25). Selain kartun-kartun itu, satu lagi bahagian yang penting ialah tulisan bersifat humor. Dalam konteks Malaysia, kartun mempunyai hubungan yang erat dengan komik dan malahan kartun Melayu diasaskan daripada komik. Para pendokong *Gila-Gila* dan majalah-majalah humor sebelum *Gila-Gila* yang diterbitkan, iaitu *Jenakarama*, *Gelaketawa*, dan *Ha Hu Hüm* menggabungkan komik dan kartun. Penerbit *Gila-Gila* sendiri, Creative Enterprise pada asalnya merupakan penerbit komik *Murni* dan *Bambino*. di samping pernah terlibat dalam penerbitan majalah-majalah komik yang lain seperti *Jelita*, *Anak Rusa Nani*, *Rina*, *Scope*, dan sebagainya. Malahan keluaran awal *Gila-Gila* masih terikat dengan konsep komik walaupun sedikit demi sedikit, unsur komik itu didominasi kartun dalam erti kata yang sebenarnya.

Tulisan ini membincangkan perkembangan majalah-majalah humor selepas *Gila-Gila* dan cuba menghubungkannya dengan pengaruh majalah tersebut itu. Selain itu, tulisan ini juga berusaha untuk melihat faktor majalah-majalah humor berkembang dengan agak memberangsangkan berbanding majalah-majalah bentuk lain.

Kemunculan *Gila-Gila*

Gila-Gila yang mula terbit pada 1 April 1978 merupakan *turning point* terhadap perkembangan majalah-majalah humor. *Gila-Gila* terbit hasil pengaruh *Mad* dari Amerika dan nama majalah itu sendiri diperoleh daripada *Mad*. Pada peringkat awal terbitannya, banyak kartun dan teknik perkartunan *Gila-Gila* yang dicedok atau diubah suai daripada *Mad* sehingga jelas bahawa *Gila-Gila* pada peringkat awal merupakan *carbon copy* kepada *Mad*. Namun, kandungan *Gila-Gila* cukup sesuai dengan pembaca Melayu yang rata-rata kurang sedar akan kehadiran *Mad* dalam lingkungan pembacaan mereka ketika itu.

Minat pembaca Melayu yang ketika itu masih didefinisikan dengan majalah berbentuk hiburan dieksplotasi dengan bijak oleh para penulis dan kartunis awal *Gila-Gila*. Majalah itu masih mahu memaparkan mesej hiburan dengan imej kartun kerana itulah yang diminati pembaca pada ketika itu. Kartun-kartun utama dalam keluaran awal *Gila-Gila* lazimnya merupakan tayangan semula filem-filem Melayu yang popular dalam bentuk kartun. Dalam keluaran pertama umpamanya, populariti pelawak A. R. Badul yang ketika itu sedang top dengan filem *Si Badulnya*, dikartunkan oleh *Gila-Gila*. Dengan berbuat demikian, kartunis mempunyai rujukan cerita humor yang mahu dipaparkannya, cuma memerlukan ubah suai babak-babak yang menarik perhatian.

Gila-Gila keluaran pertama diterbitkan sebanyak 9,000 naskhah, tetapi dalam tempoh seminggu sahaja, majalah itu habis dijual sehingga memaksa penerbitnya mengulang cetak majalah itu - suatu hal yang amat luar biasa dalam penerbitan majalah Melayu (Sabri Said, 1996). Atas permintaan ramai, *Gila-Gila* mula diterbitkan secara dwimingguan mulai 1 Februari 1978 sehingga kini yang edaran puratanya melebihi 100,000 setiap keluaran dengan purata sirkulasi pada 1993 mencapai 150,000 naskhah (ABC Media Index, 1993).

Kejayaan *Gila-Gila* ini membuka mata para pengusaha penerbitan di negara ini bahawa majalah bercorak humor boleh diterokai untuk memperoleh untung, bukan lagi majalah-majalah hiburan yang menjadi dominan sebelum kemunculan *Gila-Gila* itu. Hasilnya, pelbagai jenis dan nama majalah humor lain diterbitkan dan walaupun sebahagian besar majalah itu tidak mampu bertahan lama di pasaran, namun beberapa buah majalah humor telah dapat bertahan sehingga lebih 20 atau 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa penerbitan majalah-majalah yang dapat bertahan lama itu menguntungkan atas fahaman umum bahawa keuntungan yang selesa dalam penerbitan majalah dapat diperoleh jika dapat bertahan di pasaran lebih empat tahun. Pendapat umum di kalangan penerbit majalah di negara ini menyatakan bahawa empat tahun merupakan masa yang munasabah untuk mengukur kejayaan sesebuah majalah dari segi komersial. Lazimnya penerbit akan mengalami kerugian pada tahun pertama, mencapai *break-even-point* pada tahun kedua, dan memperoleh sedikit untung pada tahun ketiga. Bagaimanapun untung pada tahun ketiga itu digunakan untuk menampung kerugian pada tahun pertama.

Senarai lengkap majalah-majalah humor Melayu sejak *Gila-Gila* sehingga kini adalah seperti berikut:

Perkembangan Majalah Humor Melayu Selepas Gila-Gila

MAJALAH	TARIKH	HARGA	PENERBIT	PEMILIK/KETUA PENGARANG
<i>Gila-Gila</i>	1 April 1978	RM1.00	Creative Enterprise Sdn Bhd Comic Land Sdn Bhd	Mishar (Pengarah Urusan) Jaafar Taib (Pengurus) Mishar (Pengarah Urusan)
<i>Batu Api</i>	Jan 1984	RM1.80	Creative Holdings Sdn Bhd	Mishar (Pengarah Urusan)
<i>Bingo*</i> <i>BIP</i>	Julai 1995 Nov 1996	RM1.80 RM3.50	Classic Comic Berita Publishing Sdn Bhd	— Berita Publishing Sdn Bhd
<i>Boom</i>	Julai 1996	RM3.20	The Ahadiat Akashah SB	Ahadiat Akashah (Pengarah Urusan)
<i>Bugs Bunny*</i>	Mac 1996	RM3.50	Evergreen Publisher Sdn Bhd	Poon Chcc Kin (Pengarah Urusan) Nazan Mohd Nor
<i>Cabai</i>	Jan 1997	RM3.50	Cabai Productions	Cabai (Penerbit) Meizura Yunus (Editor)
<i>Co-Co</i> <i>Din Beramboi</i>	Feb 1996 Julai 1996	RM3.00 RM3.20	Sanjung Pintar Sdn Bhd Tempo Publishing Sdn Bhd	Mr. CoCo (Editor) Lim Kim Wah (Penerbit) Syed Mohd Termidzi (Ketua Editor)
<i>Din Lawak</i>	Mac 1997	RM3.20	Tempo Publishing Sdn Bhd	Lim Kim Wah (Penerbit) Syed Mohd Termidzi (Ketua Editor)
<i>Falsafah Batu Api</i>	Mac 1991	RM2.00	Creative Masters	Mishar (Pengarah Urusan) Azran Abd Rahman (Ketua Editor)
<i>Falsafah Batu Api</i>	Okt 1997	RM3.90	Creative Corporation Sdn Bhd	Mishar (Pengarah Urusan) Nan (Editor)
<i>Gadis</i>	April 1990	RM3.50	Creative Enterprise	Jaafar Taib (Pengarah Urusan) Ayu Adiratna Zainal (Editor)
<i>Gado-Gado</i>	Jan 1995	RM2.00	Kumpulan Akhbar Watan	Dato' Tengku Adnan (MD) Abdul Razak Zabidin (Editor)
<i>Gelagat</i>	Okt 1989	RM1.50	Galcri Cipta Enterprise SB	Azizan Abd Aziz (Ketua Editor) Amang (Editor)
<i>Gelak</i> <i>Geli Hati</i>	Tidak jelas Ogos 1978	RM1.80 RM1.20	Tidak jelas Syarikat Bumi Sakti	Tidak jelas Isnin Hj Rahim (Pengarah Urusan) Yuzal Darma (Ketua Pelukis)
<i>Humor</i>	Nov 1984	RM1.50	Creative Enterprise Sdn Bhd	Jaafar Taib (Pengarah Urusan) Lee Inas (Editor)
<i>Jambo*</i> <i>Jenaka</i>	1995 Tidak jelas	RM0.70 RM2.00	Comic Classic Sdn Bhd Evergreen Publisher Sdn Bhd	Kumpulan Delta Nazan Mohd Noor (Ketua Editor) Azzam Supardi (Editor)

<i>Jenakrama</i>	Ogos 1989	RM1.50	Evergreen Publish & Distributors	MAISIE Foo Sin Cheong (Penyelia) JR (Editor)
	DZ787 DZ49			Nordin Mohamed (Editor)
<i>Kartun Seram</i>	Tidak jelas	RM1.80	Magazine Distributors Sdn Bhd	Ismail Husin (Pengarah Urusan)
<i>Sejuk</i>	Sept 1994	RM3.00	Utusan Melayu Bhd	Johan Jaaffar (Ketua Editor)
<i>Kawan</i>	Sept 1994	RM3.00	Utusan Melayu Bhd	Ismail Asban (Pengerusi)
<i>Komedii</i>	Mci 1985	RM1.50	Shinbun Media Sdn Bhd	Hashim Alias (Editor)
<i>Komedii</i>	Tidak jelas	RM3.00	Teguh Kreatif Sdn Bhd	J.D. Fauzi (Pengarah Urusan)
<i>Kreko</i>	Sept 1984	RM1.50	Rima Communication House	Azmeec A.R. (Ketua Editor)
<i>Kreko</i>	Jan 1989	RM1.60	Citarasa Enterprise	Kamal Amir (Pengarah Urusan)
<i>Kreko</i>	Nov 1994	RM3.00	Perc'kan Stewart Chang S B	Poc (Editor)
<i>Lanun</i>	1 Ogos 97	RM3.90	Multi Triple Vision Sdn Bhd	Hamzah Mohamad (Operasi)
<i>Lawak Sensasi</i>	Dis 1997	RM3.90	Mulya Utama Enterprise	Kamal Amir (Perunding)
<i>Loyer Beruk</i>	Tidak jelas	RM1.00	Syarikat Adnan & Fauzan	Nortam (Editor)
<i>Doraemon*</i>	1993	RM2.00	Eastern Honour Sdn Bhd	Ujang (Ketua Editor)
<i>Majalah Garfield*</i>	1995	RM1.00	Pencrbit Tora Aman	Din Beramboi (Editor)
<i>Manis-Manis</i>	Jan 1991	Percuma	Bhg Pencegah, BPR Malaysia	Hj. Bakar Ninggal Fuzan M. Amin (Pengurus)
<i>Pahit</i>				Adnan Shahreel (Editor)
<i>Mat Jenin</i>	Jun 1981	RM1.20	Katuna Sdn Bhd	—
<i>Mat Kerinting</i>	Nov 1997	RM3.90	Pencrbit Oasis Sdn Bhd	Shamsuddin Mohd Aris
<i>Mickey*</i>	Julai 1991	RM3.50	Evergreen Publisher & Distributors	Mohd Yusof Bahir (Editor)
<i>OK</i>	Okt 1995	RM3.50	Karya One Sdn Bhd	Mas Indra (Ketua Editor)
<i>Ragam Artis</i>	Feb 1986	RM1.20	Penerbitan Karyacipta	Sherina Sherif (Pengurus)
<i>Rileks</i>	Jan 1997	RM4.90	Tatsun Publishing	Mat Johan (Pengarah Urusan)
<i>Seloka 21</i>	Okt 1989	RM1.80	TV AM Publications Sdn Bhd	Poon Chee Kin (Pengarah Urusan)
<i>Senda-Ria</i>	Tidak jelas	RM1.00	Perniagaan Wangi	Azzam Supardi (Ketua Editor)
				Tamrin Ghaffar (Pengerusi)
				Amar Matson (Pengarah Urusan)
				Tatsun (Pengarah Urusan)
				Mr. Rilcks (Ketua Editor)
				Shahrom Md Dom (Penerbit)
				Lcc Inas (Editor Kreatif)
				Zoom (Editor)

Perkembangan Majalah Humor Melayu Selepas *Gila-Gila*

<i>Sehingga Kampus</i>	Sept 1993	RM3.00	Kolej Perwaja, UUM	Jafar Talib (Ketua Editor)
<i>Suka-Suka</i>	Tidak jelas	RM1.50	Mastika Publishers	Alina Isa (Editor) Ibrahim Ahmad (Penerbit)
<i>Telatah</i>	Nov 1978	RM1.00	Penerbitan Sclesta Sdn. Bhd	Johan (Editor) Ismail Mukhtar (Pengarah Urusan) Omar Manan (Ketua Pengarang) Zarce Mahmood (Pengarah Eksekutif) Fadzil Hj Abdullah (Editor)
<i>Telatah</i>	Jan 1981	RM1.20	Tinta Publishing House	Hishamuddin Yaacob (Pengarah Urusan)
<i>Tom & Jerry*</i>	Dis. 1994	RM2.00	Sho Kan Sei Publishing Sdn Bhd	Yamin Daud (Editor) Rahim Yunus (Pengarah Studio)
<i>Toyol</i>	Julai 1985	RM1.50	Penerbitan Mediasensi	Ujang (Ketua Editor) Din Beramboi (Editor)
<i>Ujang</i>	1 Jan 1994	RM2.20	Kharisma Publications	Ujang (Ketua Editor) Mazemic Maz (Editor)
<i>Usop Sontorian</i>	April 1996	RM2.80	Kharisma Publications	Ujang (Ketua Editor) Din Beramboi (Editor)
<i>Varia Lawak</i>	15 Apr 97	RM3.80	Multi Triple Vision Sdn Bhd	

* Majalah saduran/terjemahan daripada sumber asing

Satu hal yang menarik ialah kebanyakan majalah humor sama ada yang pernah diterbitkan atau masih dalam penerbitan kini mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan *Gila-Gila*. Kedudukan ini samalah dengan kedudukan majalah-majalah tentang wanita yang mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan *Wanita* (Hamed, 1997a). Kejayaan *Gila-Gila* bertahan di pasaran sejak ditubuhkan sehingga kini sering menjadi batu loncatan untuk penerbitan majalah-majalah baru di samping sering menjadi inspirasi terhadap penerbitan majalah-majalah humor lama.

269

Majalah-majalah Humor 1980-an

Majalah humor selepas *Gila-Gila* ialah *Geli Hati* yang diterbitkan oleh Syarikat Bumi Bakti pada Ogos 1978, iaitu selepas lima bulan *Gila-Gila* diterbitkan. Dengan pimpinan dua orang pelukis yang cukup berbakat, Yuzal dan Mojo, *Geli Hati* mampu menarik segmen pembaca yang sebelumnya ditarik oleh *Gila-Gila*. Tidak syak lagi bahawa *Geli Hati* lahir daripada kejayaan *Gila-Gila* dan harapan pengusahaanya ialah untuk mendapat share pasaran yang sebelumnya dimonopoli oleh *Gila-Gila*. Tidak seperti *Gila-Gila* yang agak terpengaruh dengan konsep *Mad*, *Geli Hati* berusaha memaparkan kartunnya sendiri yang original walaupun kadangkala lawak-lawaknya tidak real dan seperti memperbodohkan pembaca. Walau bagaimanapun, ubah suai idea dan kartun daripada majalah-majalah kartun antarabangsa masih dilakukan, sebagai mana yang turut dilakukan oleh *Gila-Gila*.

Kehadiran *Geli Hati* tidak banyak menjelaskan pasaran *Gila-Gila*, sebaliknya menyemarakkan minat pembaca terhadap majalah humor. Malahan atas desakan pembaca, *Gila-Gila* diterbitkan secara dwimingguan mulai Februari 1979. Penerbitan secara dwimingguan ini memberi kesan yang negatif kepada *Geli Hati* yang terlalu bergantung kepada Mojo dan Yuzal, dan kemudiannya Raz untuk menarik pembaca. Pada masa yang sama, *Gila-Gila* menampilkan kartunis-kartunis baru seperti Don, Junhairi atau Long, dan Fatah, di samping mengaktifkan Mishar sendiri, Jaafar Taib dan Zainal Buang untuk berkutu yang digemari pembaca. Sementara Jaafar Taib cukup popular dengan kartun-kartun *slapsticknya* tentang kehidupan binatang dan kartun/teks "Kalau"nya, Zainal Buang pula terus mengeksplorasi filem-filem Melayu untuk dikartunkan. Buat beberapa ketika, tidak ada majalah humor baru diterbitkan kerana dirasakan bahawa *Gila-Gila* tidak dapat disaingi lagi apabila diterbitkan secara dwimingguan itu.

Kejayaan *Gila-Gila* ini mendorong Omar Manan daripada Penerbitan Selecta Sdn Bhd menerbitkan *Telatah* pada November 1978. Penerbitan ini merupakan suatu percubaan untuk menerokai humor dengan menampilkan pelawak-pelawak yang terkenal pada waktu itu di samping menyelang-selikannya dengan kartun. Gambar-gambar pelawak seperti A. R. Badul, R. Jaafar, A. K. Jailani, Param, Ayapan, dan sebagainya diletakkan sebagai cover majalah dengan disusuli *cover story* dan sedikit preview tentangnya. Majalah ini cuba memaparkan hiburan yang berkisar di sekitar pelawak itu di samping lukisan-lukisan kartun. Walau bagaimanapun, sambutan di kalangan pembaca kurang sehingga majalah itu diberhentikan pada akhir tahun 1979.

Pada Jun 1980, sebuah lagi majalah humor diterbitkan, iaitu *Mat Jenin*. Majalah yang dipimpin oleh Mas Indra ini berhasil daripada idea Datuk Sanusi Junid yang mahukan orang Melayu berangan-angan tinggi seperti Mat Jenin, kemudian berusaha untuk merealisasikan angan-angan itu. Walau bagaimanapun, *Mat Jenin* tidak didokong oleh editor atau kartunis yang berpengaruh sehingga penerbitannya tidak mendapat sambutan.

Pada Januari 1981, *Telatah* diterbitkan lagi, kali ini dengan konsep humor kartun sepenuhnya. Penerbitnya, Jasika Corporation yang didokong oleh Khalid Jafri kemudiannya turut menerbitkan *Bolasepak*, *Widuri*, dan akhbar tabloid popular *Mingguan Perdana*. *Telatah* kali ini juga tidak lama di pasaran dan pada April 1990, Hishamuddin Yaakob daripada Bistari Communications, anak syarikat Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd mengambil alih majalah ini. Seperti sebelumnya, telatah daripada *Telatah* kurang menarik perhatian pembaca sehingga memaksa penerbitannya diberhentikan apabila Kumpulan Karangkraf berjaya mengambil alih penerbitan *Geli Hati* daripada Syarikat Bumi Bakti pada pertengahan tahun 1982.

Pengambilalihan ini memberi nafas baru kepada *Geli Hati* yang sebelumnya terpaksa menghadapi masalah kewangan, terutama selepas kematian kartunisnya yang berpengaruh, Mojo. Razak Zabidin yang popular dengan nama Raz dilantik menjadi ketua artis, dan ia dapat mengumpulkan kartunis-kartunis lain seperti Yuzal, Wahidi, dan Mohas di samping meneruskan kesinambungan Poe, meskipun Dinie tidak banyak menyumbang lagi setelah menyertai gerakan Al-Arqam. Pada awal tahun 1980-an itu, pasaran majalah humor terus didominasi oleh *Gila-Gila*, sementara *Geli Hati* dan satu dua majalah lain hanya memperoleh *share* pasaran di sekitar 20 peratus.

Walau bagaimanapun, pengurusan Creative Enterprise yang menerbitkan *Gila-Gila* berpecah walaupun tidak menjelaskan penerbitan majalah itu. Mishar yang berperanan paling besar menubuhkan Creative Enterprise dan *Gila-Gila* keluar daripada syarikat itu apabila ia mengalami masalah kewangan peribadi yang turut membabitkan syarikat. Setelah setahun keluar dari Creative Enterprise, Mishar menerbitkan *Batu Api* pada 1 Januari 1984. Dengan

bantuan kartunis seperti Nan, Juragan dan Khir, Mishar berusaha memecahkan monopoli pasaran majalah humor yang didominasi oleh *Gila-Gila*. Yang ironinya, *Batu Api* merupakan sisipan kepada *Gila-Gila* yang mula diperkenalkan pada 15 Oktober 1981. Dengan kata lain, Mishar mengambil nama *Batu Api* yang diperkenalkan oleh *Gila-Gila* sebagai nama majalahnya - majalah yang mempunyai konsep yang sama dengan *Gila-Gila*. Dalam kata pengantarnya dalam keluaran pertama majalah itu, nyata bahawa Mishar cuba memprotes terhadap layanan yang diterimanya daripada rakan-rakannya di Creative Enterprise. Antara lain, ia menyatakan "...teman ceritakan ini bukanlah nak mengadu nasib pada pembaca, cuma ingin teman bagi pesan bahawa dalam hidup kita ni ramai sangat musuh dalam selimut yang tentunya lebih bahaya daripada musuh dalam jel."

Sebagai sebuah syarikat yang kecil, Creative Holdings Sdn Bhd tidak dapat bertahan lama untuk terus menerbitkan *Batu Api*. Majalah itu diberhentikan setelah berada di pasaran kurang dua tahun. Pada tahun 1987, *Batu Api* diterbitkan semula oleh Mishar, kali ini dengan dana yang dilaburkan oleh Kumpulan Melewar Corporation dan Azran Abd. Rahman yang kemudiannya turut menerbitkan *Warta Jenaka*, *Pos Kota*, dan *Ads*. Dengan suntikan modal itu, Mishar berjaya menarik beberapa orang kartunis daripada *Gila-Gila* seperti Don, Fatah, dan Bor untuk bersama *Falsafah Batu Api*, nama yang sedikit berbeza walaupun mempunyai konsep humor yang sama dengan *Gila-Gila*. Usaha ini juga tidak dapat bertahan lama kerana selain gagal memecahkan segmen pembaca yang setia dengan *Gila-Gila*, para pelabur *Falsafah Batu Api* tidak mampu menunggu lama untuk melihat kejayaan majalah itu. Akibatnya sekali lagi majalah itu diberhentikan. Sehinggalah pada Oktober 1997, *Falsafah Batu Api* diterbitkan semula oleh Mishar dengan nama penerbitnya, Creative Corporation. Dengan memperoleh modal daripada pengedarnya (Tukang cap duit dan angkat buku), S. A. Al-Habshee, Mishar menyiaran semula kartun-kartun yang sudah tersiar dalam *Batu Api* yang lama di samping mengubah suai kartun-kartun itu dengan suasana semasa. Pada kali ini, Mishar menjalankan promosi yang cukup agresif, dengan iklan-iklan pada hujung minggu di akhbar Melayu yang utama dan dengan janji untuk menerbitkan lima buah majalah lain, iaitu *Juwita*, *Prima*, *Manis*, *Eva 21*, dan *Kancil*, tetapi tidak muncul-muncul sehingga *Falsafah Batu Api* diberhentikan penerbitannya pada Mac 1998.

Pada tahun yang sama dengan kelahiran *Batu Api* yang pertama pada tahun 1984, *Kreko* diterbitkan oleh Rima Communication House, iaitu pada bulan September 1984. Kamal Amir yang sebelumnya terlibat dalam penerbitan majalah-majalah hiburan berganding dengan Poe yang pernah terbabit dalam penerbitan *Geli Hati*. Namun *Kreko* tidak mampu bertahan lama dan diberhentikan pada awal tahun 1985 sebelum diterbitkan semula pada Januari 1989 oleh Citarasa Enterprise. Penerbitan kali kedua itu pun tidak bertahan lama apabila diberhentikan pada tahun itu juga, dan *Kreko* diterbitkan kembali pada November 1994, kali ini oleh Percetakan Stewart Chang Sdn Bhd. Seperti sebelumnya, *Kreko* tidak mampu menarik pembaca yang sama ada didominasi oleh *Gila-Gila* atau *Geli Hati*.

Pada Mei 1985, *Komedи* pula diterbitkan. Penerbitnya, Shinbun Media Sdn Bhd berusaha untuk menerokai pasaran majalah humor secara "cuba-cuba". Dalam keluaran pertamanya, dinyatakan bahawa "... kata orang belum cuba belum tahu. Sesudah mencuba tahulah pahit manisnya. Begitulah dengan nasib yang akan kami perjuangkan dan perjudikan dalam menerbitkan satu lagi majalah berbentuk humor, *Komedи*." Sebelum itu pun, beberapa buah majalah humor turut diterbitkan. Umpamanya *Telatah Olok-Olok* pada September 1983, *Toyol* pada Julai 1985, dan kemudiannya *Ragam Artis* pada Februari 1986. Namun kesemua majalah itu tidak bertahan lama, walaupun *Toyol* yang diterbitkan oleh Yamin Daud mampu bertahan lebih dua tahun.

Selain majalah-majalah yang dinyatakan itu, terdapat juga majalah humor lain yang diterbitkan pada tahun 1980-an. Antaranya ialah *Telatah Olok-Olok* (Okttober 1983) oleh Tinta Publishing House dan *Kreko* (September 1984) oleh Kamal Amir dan Poe daripada Rima Communication House. Urusan penerbitan majalah ini dibuat oleh Shinbun Media Sdn Bhd yang sebelum ini menerbitkan *Komedи*. Pada Januari 1985, majalah itu dinamakan semula sebagai *Super Kreko* tetapi sambutannya tetap tidak menggalakkan. *Kreko* diterbitkan semula pada Januari 1989, kali ini oleh Citarasa Enterprise yang diketuai oleh Hamzah Mohamed walaupun Kamal Amir masih menjadi penggeraknya sebagai perunding. Sama seperti sebelumnya, majalah ini berkubur pada tahun yang sama ia diterbitkan. *Kreko* yang terakhir diterbitkan semula pada Oktober 1994 oleh Percetakan Stewart Chang Sdn Bhd dan menjelang tahun 1995, majalah ini terus berkubur sehingga kini.

Pada akhir dekad 1980-an ini, iaitu pada Oktober 1989, sebuah lagi majalah humor diterbitkan, iaitu *Gelagat*. Majalah ini terus bertahan di pasaran sehingga November 1997 di samping *Gila-Gila* dan *Geli Hati*. *Gelagat* lahir hasil eksperimen penerbitnya, Mat Selamba di Galeri Cipta untuk mencari nama majalah yang sesuai. Dalam proses itu, ia menerbitkan *Geletek*, *Gelagat*, *Glamour*, dan *Gelak Ketawa* sebelum mendapat nama *Gelagat* lebih sesuai dan lebih mendapat sambutan. Dinyatakan bahawa “..Kalau dulu kita bersua melalui *Geletek*, lepas tu *Gelagat*, lepas tu *Glamour* pula, dan last sekali *Gelak Ketawa*, kini boleh le kita tetapkan satu judul setiap bulan atas nama *Gelagat*. Tak payah le kita main tukar-tukar buat menyusahkan mulut menyebutnya, ye tak!”

Gelagat bertahan kerana kesungguhan penerbitnya, Abdul Rashid Osman di samping kejayaan kartunis awalnya, terutama Juragan untuk menghidangkan kartun secara maksimum dan meminimumkan penggunaan teks. Konsep *Gelagat* masih mendokong kartun yang *slapstick* seperti *Gila-Gila* dan *Geli Hati* dan kadang-kadang *Falsafah Batu Api*, tetapi penggunaan teks dikurangkan. Pada masa yang sama, *Gelagat* berusaha untuk mendekati pembaca dengan memberi peluang yang seluas mungkin kepada mereka untuk memberi sumbangsan dalam apa jua bentuk: gambar, coretan, lakaran, cerita, pengalaman, dan sebagainya. Kedudukan *Gelagat* kemudiannya diperkuatkan dengan kemasukan beberapa orang kartunis yang berbakat seperti Lolo yang sebelumnya pernah berkarya di *Geli Hati* dan *Gila-Gila*, Kienaka, Budin, dan Dan.

Majalah-majalah humor pada dekad 80-an terlalu dikongkong dengan perkembangan dan perubahan majalah *Gila-Gila*. Sebagai majalah humor yang paling utama dari segi pengaruh dan pengedaran, *Gila-Gila* mampu untuk mengawal persaingan yang ada. Dengan kos pengeluarannya yang lebih murah disebabkan jumlah naskhah yang cukup banyak dicetak, *Gila-Gila* menjadi pemimpin harga di pasaran yang soal harga merupakan salah satu faktor penting mlariskan majalah. Majalah-majalah baru yang diterbitkan sukar untuk bersaing dengan *Gila-Gila* dan kemudiannya dengan *Geli Hati* yang didokong oleh syarikat yang besar. Oleh itu, dapat dilihat bahawa majalah-majalah humor yang baru itu diterbitkan secara tidak tetap dan malahan diterbitkan berkali-kali untuk merebut sebahagian kecil *share* pasaran yang umumnya tertumpu kepada golongan remaja itu.

Majalah-majalah Humor 1990-an

Dekad 90-an terus menyaksikan penguasaan *Gila-Gila* di pasaran. Jumlah pengedaran majalah itu mencecah 150,000 naskhah untuk satu keluaran pada tahun 1993 dan memandangkan *Gila-Gila* majalah dwiminggauan, maknanya sirkulasi bulanan majalah itu ialah 300,000 naskhah. Jumlah sirkulasi yang cukup besar ini sudah tentu menjadi daya penarik kepada

para penerbit lain untuk mendapat pasaran yang sedemikian. Oleh itu, dalam tujuh tahun pada dekad ini, 27 buah majalah humor baru diterbitkan. Walaupun terdapat majalah yang usianya tidak mencapai setahun tetapi terpaksa diberhentikan, beberapa buah majalah telah menunjukkan prestasi yang cukup baik, malahan sehingga menjelaskan sirkulasi *Gila-Gila* dan jauh mengatasi sirkulasi dua majalah humor yang ditubuhkan lebih awal lagi, iaitu *Geli Hati* dan *Gelagat*.

Terdapat beberapa faktor yang perlu dilihat apabila membincangkan perkembangan majalah humor pada dekad 90-an ini. Dekad ini menyaksikan pertambahan golongan remaja yang cukup besar. Dengan penduduk seramai 20 juta (1995), golongan muda merupakan 63 peratus daripadanya, iaitu 12.6 juta. Daripada jumlah itu, 60 peratus adalah remaja Melayu yang menjadi segmen pembaca majalah-majalah humor ini atau 7.56 juta. Selain majalah-majalah bercorak hiburan, majalah humor merupakan jenis majalah yang paling digemari mereka. Dalam konteks negara ini, majalah yang dapat dijual lazimnya majalah yang tidak mempunyai banyak teks (Hamed, 1997b). Sementara majalah-majalah yang memuatkan gambar-gambar artis dalam majalah hiburan dan lukisan-lukisan kartun dalam majalah humor mendapat perhatian pembeli, majalah-majalah yang didominasi teks dirasakan amat membosankan. Kecenderungan terhadap pembacaan majalah adalah lebih kepada untuk berhibur, daripada untuk memperoleh maklumat atau pengetahuan. Di samping itu, segmen pembaca muda ini lazimnya masih di bangku sekolah atau institusi pengajian. Tekanan yang terlalu besar untuk belajar dengan tekun dan kemudian berjaya dalam peperiksaan dengan sendirinya menjadikan majalah-majalah humor sebagai alat yang paling sesuai untuk mengurangkan tekanan.

Tambahan pula, minat yang luar biasa terhadap komik, terutamanya komik asing turut menyumbang terhadap penerbitan majalah. Dengan bantuan media massa yang menyiarkan banyak rancangan kartun antarabangsa, pasaran untuk kartun itu diterbitkan dalam bahasa Melayu sedia ada. Oleh itu, dekad 90-an menyaksikan perkembangan yang pesat dalam penerbitan majalah kartun atau humor yang berasaskan watak komik antarabangsa. *Mickey Mouse* dan *Bugs Bunny* - dua watak Disney yang popular - diterbitkan dalam bahasa Melayu walaupun asasnya lebih kepada pendidikan, bukannya humor. Selain itu, *Majalah Garfield*, *Bingo*, *Jambo*, dan *Tom & Jerry* turut diterbitkan, begitu juga dengan *Majalah Doraemon* yang diubah suai ke bahasa Melayu dari bahasa Jepun. Di dalam negeri sendiri, *Majalah Along* dan *Joe Jambul* diterbitkan sempena watak lucu yang popular di televisyen.

Dalam soal majalah humor yang sebenar, perkembangan pada dekad 90-an ini banyak ditentukan oleh seorang kartunis yang cukup popular, Ujang, dan seorang editor, Din Beramboi. Ujang mula mendapat nama di *Gila-Gila* yang disertainya pada tahun 1987, terutama dengan siri kartunnya *Aku Budak Minang*. Kartun-kartun Ujang mendapat sambutan hangat golongan remaja kerana ia mampu menterjemahkan apa yang berlaku seharian dalam bentuk kartun. Setelah berkhidmat di *Gila-Gila* lebih kurang tujuh tahun, Ujang menyertai Kharisma Publications untuk menerbitkan majalahnya sendiri, *Ujang* pada 1 Januari 1994. Penerbitan majalah ini dengan motto "Majalah Lawak Antarabangsa" memberi tamparan yang hebat kepada *Gila-Gila* kerana pengikut-pengikut *Ujang* dari *Gila-Gila* sebelum ini beralih kepada majalah yang baru itu. Tambahan pula, Ujang turut membawa keluar beberapa orang kartunis daripada *Gila-Gila* seperti Aman, Nik, dan Gayour. Malahan, terbitan secara dwimingguan yang selama ini menjadi punca kekuatan *Gila-Gila* dapat dipecahan oleh *Ujang*. Dalam masa yang singkat, edaran *Ujang* dikatakan menyaingi *Gila-Gila*.

Pada masa yang sama, *Usop Sontorian* diterbitkan untuk kanak-kanak untuk mengambil kesempatan daripada populariti kartun *Usop Sontorian* di televisyen. Bersama-sama Ujang ialah seorang editor yang turut mempunyai pengikut, iaitu Mior Mohd Fuad atau Din Beramboi

yang terkenal sebagai juruhebah dan kemudiannya penyanyi. Walau bagaimanapun, *Ujang* hanya bertahan setakat 74 keluaran. Majalah itu diberhentikan sebentar apabila secara tiba-tiba *Ujang* keluar dari Kharisma Publications untuk menerbitkan *Varia Lawak* pada 15 April 1997 melalui syarikatnya sendiri, Muti Triple Vision. Seperti Mishar yang “mencuri” *Batu Api* daripada sisipan *Gila-Gila*, *Ujang* “mencuri” *Varia Lawak* daripada sisipan *Ujang*. Bagaimanapun, nama majalah itu diubah kepada *Lanun* mulai bilangan 8. Din Beramboi pula “meminjamkan” namanya untuk digunakan sebagai nama majalah apabila Syed Mohd Tarmizi mendapat kepercayaan Tempo Publishing, anak syarikat Kumpulan Delta untuk menerbitkan majalah humor *Din Beramboi* pada 1 Julai 1996. Nama majalah itu diubah kepada *Din Lawak* mulai April 1997. Majalah *Ujang* yang terhenti itu dihidupkan semula oleh Kharisma Publications yang memegang KDNnya pada 1 Ogos 1997. Dengan promosi yang hebat dan kartunis-kartunis yang dapat dikumpulkan semula setelah buat seketika berpecah sebelum ini, *Ujang* mampu bertahan sehingga kini dengan konsisten biarpun kartunis *Ujang* yang menjadi penggerak majalah ini sudah tidak bersama mereka.

Selain majalah-majalah humor yang dinyatakan itu, terdapat banyak lagi majalah humor lain yang diterbitkan pada dekad 90-an ini. Antaranya ialah *CoCo* (Februari 1996), *Gado-Gado* (Januari 1995), *Boom* (Julai 1996), *Rileks* (Mei 1997), *Gadis* (April 1990), *Jenakarama* (tidak jelas), *Pahit-Pahit Manis* (1991), *Senyum Kampus* (September 1993) dan sebagainya. Pada April 1997, seorang kartunis wanita yang popular di *Gila-Gila*, Cabai menerbitkan majalahnya sendiri dengan nama *Cabai*. Sebelum itu lagi, Don dan Long, dua orang kartunis yang awal di *Gila-Gila* yang kemudiannya menyertai *Batu Api* terlibat dalam penerbitan *OK*, sebuah majalah humor berbentuk agama yang diterbitkan oleh bekas pengikut Al-Arqam. Yang paling terbaru, Mulya Utama Enterprise yang sebelum ini menerbitkan *Saripati* dan *Intisari* - dua majalah berbentuk misteri - menerbitkan *Lawak Sensasi* (Disember 1997).

Kesimpulan

Secara umum, kemunculan *Gila-Gila* yang sebenarnya meniru konsep *Mad* dari Amerika pada 1 April 1978 telah menyemarakkan penerbitan humor dalam bahasa Melayu. Daripada *Gila-Gila* inilah kebanyakannya majalah humor yang lain diasaskan. Namun begitu, sementara *Gila-Gila* terus menjadi majalah humor yang paling utama dan teguh di pasaran, majalah-majalah yang lain masih terus mencari-cari ruang untuk bernaafas kerana majalah humor bersifat *circulation based* dan sukar menarik iklan.

Berdasarkan bilangan majalah humor yang agak banyak itu dan hakikat bahawa kebanyakannya tidak mampu bertahan lama, kita dapat menarik beberapa kesimpulan penting. Penerbitan humor tampaknya diceburi oleh penerbit sebagai suatu usaha “cuba-cuba” – untung sabut timbul – dan penerbitnya pula tidak mempunyai perancangan jangka panjang. Hal ini timbul disebabkan minat semasa terhadap humor yang berubah-ubah dan pada ketika minat pembaca agak tinggi, pada ketika itulah penerbit-penerbit baru muncul dengan majalah masing-masing. Yang ironisnya, kebanyakannya penerbit itu sama ada pernah berkarya dengan majalah humor yang lain atau yang sedang berkarya dengan majalah humor yang *established*, tetapi berhasrat besar untuk menjadi penerbit dan memiliki majalah sendiri. Kebanyakan mereka hanya mempunyai pengalaman dalam bidang pengeluaran, dan amat sedikit ilmu tentang pemasaran majalah. Hasrat untuk menerbitkan majalah sendiri mungkin tercapai, tetapi disebabkan kelemahan dalam pengedarannya, majalah itu tidak dapat dijual. Dengan modal

Perkembangan Majalah Humor Melayu Selepas Gila-Gila

yang kecil, sudah tentu hayat majalah yang baru itu akan cepat tercabut apabila penerbit menghadapi masalah pusingan modal.

Rujukan

Media Guide. 1994, Kuala Lumpur: Whiteknight Communications.

Hamedi Mohd. Adnan. 1997. *Majalah-majalah Melayu Abad Ke-20*. (manuskrip yang belum diterbitkan).

Hamedi Mohd. Adnan. 1997a. “*Penerbitan Majalah-majalah Melayu: Cabaran Kini dan Akan Datang*”, kertas kerja dalam Seminar Komunikasi di Universiti Pertanian Malaysia pada 22 November 1997.

Hamedi Mohd. Adnan. 1997b. “Dari pada *Ha Hu Hum* kepada *Mat Kerinting*: Perkembangan dan Cabaran dalam Penerbitan Majalah Humor Melayu”, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Komunikasi Kelima di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16-18 Disember.

Sabri Said. 1996. “Unsur Kelangsangan dalam Kartun Melayu: Kajian Terhadap *Gila-Gila*”, Tesis Sarjana Pengajian Penerbitan, Universiti Malaya.